



KERAJAAN MALAYSIA

GARIS PANDUAN MENGENAI TATACARA PERMOHONAN KELULUSAN PROJEK ICT JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT MALAYSIA (JBPM)

Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia
Kementerian Perumahan Kerajaan Tempatan
Mac 2021

Dikelilingkan kepada
Semua Pengarah Ibu Pejabat
Semua Pengarah Bomba Negeri
Ketua Unit Integriti
Komander Akademi Bomba
Pegawai Memerintah Pangkalan Udara
Ketua Unit Pengesan



KANDUNGAN

1. TUJUAN	3
2. LATAR BELAKANG	3
3. KEAHLIAN JAWATANKUASA PEMANDU ICT (JPICT)	3
4. SKOP PROJEK ICT YANG MEMERLUKAN KELULUSAN JPICT	4
5. TATACARA PERMOHONAN KELULUSAN JPICT	7
6. KEKERAPAN MESYUARAT JPICT JBPM.....	9
7. PELAPORAN KEMAJUAN PROJEK YANG DILULUSKAN OLEH JPICT JBPM, JPICT KPKT DAN JTISA MAMPU	9
8. TEMPOH SAH LAKU KELULUSAN JPICT	10
9. PENUTUP	10
10. RUJUKAN	10



1. TUJUAN

Dokumen ini bertujuan untuk memberi garis panduan kepada semua warga JBPM bagi tatacara memohon kelulusan projek teknologi maklumat dan komunikasi (ICT). Ini adalah selaras dengan langkah Jawatankuasa Pemandu ICT (JPICT) JBPM dalam memperkukuhkan lagi tadbir urus Projek ICT di JBPM.

2. LATAR BELAKANG

2.1 JPICT JBPM merupakan sebuah jawatankuasa yang ditubuhkan untuk menimbang dan meluluskan permohonan kelulusan teknikal projek ICT daripada bahagian-bahagian di Ibu Pejabat JBPM / JBPM Negeri / Akademi bagi perolehan sistem, perkakasan, perisian dan rangkaian ICT.

2.2 Permohonan projek ICT yang telah diluluskan melalui jawatankuasa ini seterusnya akan dikemukakan ke JPICT Kementerian Perumahan Kerajaan Tempatan (KPKT) dan Jawatankuasa Teknikal ICT Sektor Awam (JTISA) Unit Pemodenan Tadbiran dan Perancangan Pengurusan Malaysia (MAMPU) berdasarkan had nilai yang telah ditetapkan. Panduan had nilai akan diterangkan lebih terperinci di bawah tatacara permohonan kelulusan JPICT.

3. KEAHLIAN JAWATANKUASA PEMANDU ICT (JPICT)

Keahlian JPICT adalah seperti berikut:

Pengerusi	:	Ketua Pengarah JBPM
Ahli Jawatankuasa	:	a. Timbalan Ketua Pengarah (Operasi) b. Timbalan Ketua Pengarah (Pembangunan) c. Pengarah-Pengarah Ibu Pejabat JBPM d. Ketua Unit ICT
Urus Setia	:	ICT Ibu Pejabat



- 3.2 Senarai keahlian JPICT dan bidang tugas adalah seperti di **Lampiran A**. Bidang tugas ini adalah berdasarkan bidang rujukan seperti yang dijelaskan dalam Surat Pekeliling Am (SPA) MAMPU 3/2015.
- 3.3 Ahli boleh menamakan seorang pegawai yang dilantik sebagai ahli ganti. Ahli tetap dan ahli ganti akan dilantik secara rasmi melalui surat lantikan yang akan ditandatangani oleh Ketua Pengarah JBPM.
- 3.4 Bilangan kehadiran ahli mesyuarat hendaklah mencapai 2/3 bilangan daripada jumlah ahli.

4. SKOP PROJEK ICT YANG MEMERLUKAN KELULUSAN JPICT

Skop projek ICT yang perlu mendapatkan kelulusan JPICT adalah seperti berikut:

4.1 Projek Baharu

Projek baharu bermaksud projek pengkomputeran yang melibatkan salah satu atau gabungan aktiviti perolehan perkakasan, perisian, rangkaian, pengurusan data, pembangunan sistem aplikasi serta perkhidmatan berasaskan ICT untuk membangunkan projek ICT JBPM seperti yang berikut:

- i. **Pembangunan Sistem Aplikasi** yang dimaksudkan merangkumi pembangunan sistem aplikasi menggunakan perisian pembangunan, *customization*, pakej sedia ada (off-the-shelf) untuk kegunaan tertentu dan seumpamanya (contoh: Sistem Perakaunan, Sistem Personel, Sistem Pengurusan Inventori) dan/atau integrasi di antara sistem.
- ii. **Perkakasan ICT** yang dimaksudkan merangkumi semua jenis perkakasan atau peranti elektronik yang diperlukan untuk melaksanakan sesuatu projek ICT iaitu peralatan input/output (contoh: pencetak,



pengimbas, alat baca biometrik, Suara Melalui *Internet Protocol* (VoIP), pemprosesan, storan data, multimedia, [contoh: persidangan video (video conferencing)], perkakasan komunikasi mudah alih [contoh: jalur lebar tanpa wayar (wireless broadband)] dan perkakasan komunikasi berteknologi tinggi (contoh: radar, satelit); kecuali alat-alat seperti komponen alat ganti, barang pakai habis (consumable item), aksesori dan perabot komputer.

- iii. **Perisian ICT** yang dimaksudkan merangkumi semua jenis perisian sistem, perisian aplikasi dan lesen perisian (pembelian dan pembaharuan). Perisian sistem merangkumi sistem operasi, pangkalan data dan perisian bagi membangunkan sistem. Perisian aplikasi ialah perisian yang digunakan untuk menyokong kerja-kerja harian dalam urusan pengurusan dan pentadbiran pejabat serta pengajaran dan pembelajaran;
- iv. **Rangkaian ICT** yang dimaksudkan merangkumi perolehan perkakasan, perolehan perisian dan perolehan perkhidmatan bagi menyediakan kemudahan rangkaian luas (Wide Area Network (WAN)), rangkaian setempat (Local Area Network (LAN)) dan rangkaian tanpa wayar; dan
- v. **Perkhidmatan-perkhidmatan lain** berasaskan ICT yang dimaksudkan merangkumi semua jenis perkhidmatan teknikal yang diperoleh daripada syarikat perunding swasta, kontraktor dan syarikat-syarikat lain yang berkaitan. Antara contoh perkhidmatan ICT termasuklah pemasangan dan konfigurasi perkakasan, pemasangan sistem, pengurusan perubahan (CM), latihan dan pemindahan teknologi (TOT), *Project Management Office* (PMO), pengurusan data (migrasi, pemurnian, kunci masuk, pemulihan, penukaran), perkhidmatan keselamatan ICT, sewaan perkakasan, perkhidmatan pengehosan (hosting), migrasi sistem,



langganan maklumat dalam talian **termasuklah perkhidmatan penyelenggaraan perkakasan atau aplikasi** dan seumpamanya.

4.2 Peningkatan Sistem

Peningkatan sistem bermaksud mempertingkatkan keupayaan perkakasan, perisian, rangkaian, aplikasi dan/atau perkhidmatan ICT. Contoh adalah seperti peningkatan perkakasan dari segi konfigurasi dan kapasiti, pengemaskinian fungsi-fungsi di dalam sistem ICT sedia ada kepada tahap yang lebih baik, peningkatan saiz jalur lebar (bandwidth) serta peluasan rangkaian, pertambahan skop perkhidmatan sedia ada kepada yang lebih baik dan seumpamanya.

4.3 Pertambahan Peralatan

Pertambahan peralatan bermaksud menambahkan bilangan bagi mana-mana perkara di bawah kategori perkakasan, perisian dan/atau rangkaian bagi projek ICT sedia ada.

4.4 Peluasan Projek

Perluasan (roll-out) projek bermaksud memperkembangkan pelaksanaan projek ICT daripada lokasi sedia ada ke lokasi-lokasi lain atau dengan menambah bilangan pengguna di lokasi yang sama ataupun kedua-duanya sekali.

4.5 Semua permohonan perolehan hendaklah mengambil kira pendekatan pelaksanaan dan ciri-ciri projek adalah seperti di **Lampiran B**.

4.6 Perolehan peralatan bukan ICT **boleh dilaksanakan bersama** dengan perolehan projek ICT sekiranya perolehan peralatan bukan ICT menyokong pelaksanaan projek baharu ICT [Contoh: perolehan televisyen litar tertutup



(Closed-Circuit TV (CCTV)), bekalan kuasa tanpa gangguan [Uninterruptible Power Supply (UPS)], rak pelayan dan penyaman udara untuk tujuan membangunkan pusat data atau perolehan projektor bagi tujuan pengajaran dan pembelajaran).

5. TATACARA PERMOHONAN KELULUSAN JPICT

5.1 Semua permohonan perolehan Projek ICT perlu dikemukakan kepada Urusetia JPICT JBPM bagi mendapatkan kelulusan JPICT JBPM. Dokumen yang perlu dikemukakan bagi permohonan perolehan Projek ICT adalah seperti berikut:

- i. Kertas cadangan; dan
- ii. Slaid pembentangan

5.2 Skop dan had nilai projek ICT yang memerlukan kelulusan JPICT adalah seperti berikut:

a. Permohonan Projek ICT yang **MELIBATKAN** pembangunan Sistem Aplikasi:

- i. Semua projek sehingga **RM49,000.00** hendaklah dimaklumkan di dalam mesyuarat JPICT.
- ii. Semua projek ICT yang **bernilai melebihi RM50,000.00 dan kurang dari RM1 juta** hendaklah mendapat kelulusan daripada **JPICT Jabatan dan KPKT sahaja** (Format seperti di **Lampiran C** dan **Lampiran D** hendaklah dijadikan panduan di dalam menyediakan kertas cadangan dan slaid permohonan);
- iii. Semua projek ICT yang **bernilai melebihi RM1 juta** hendaklah mendapat kelulusan daripada **JPICT Jabatan, KPKT dan** akan dikemukakan untuk mendapat kelulusan teknikal daripada **JTISA**



MAMPU (Format seperti di **Lampiran C** dan **Lampiran D** hendaklah dijadikan panduan di dalam menyediakan kertas cadangan dan slaid permohonan); dan

b. Permohonan Projek ICT yang **TIDAK MELIBATKAN** Pembangunan Sistem Aplikasi:

- i. Semua projek sehingga **RM49,000** hendaklah dimaklumkan di dalam mesyuarat JPICT Jabatan.
- ii. Semua projek ICT yang **bernilai melebihi RM50,000.00 dan kurang dari RM500,000.00** hendaklah mendapat kelulusan daripada **JPICT JBPM sahaja** (Format seperti di **Lampiran C** dan **Lampiran D** hendaklah dijadikan panduan di dalam menyediakan kertas cadangan dan slaid permohonan);
- iii. Semua projek ICT yang **bernilai melebihi RM500,000.00 hingga RM5 juta** hendaklah mendapat kelulusan daripada **JPICT Jabatan dan KPKT**.
- iv. Semua projek ICT yang **bernilai melebihi RM5 juta** akan dikemukakan untuk mendapat kelulusan teknikal daripada **JPICT Jabatan dan KPKT** (Format seperti di **Lampiran C** dan **Lampiran D** hendaklah dijadikan panduan di dalam menyediakan kertas cadangan dan slaid permohonan); dan akan dikemukakan untuk kelulusan teknikal **JTISA MAMPU**.

5.3 Secara ringkasnya, penentuan peringkat kelulusan berdasarkan had nilai projek ICT dan ringkasan penentuan adalah seperti **Lampiran E** yang disertakan.



- 5.4 Bagi projek-projek yang dibangunkan tanpa kos (iaitu dibangunkan secara in-house) atau diperolehi melalui perkongsian pintar, projek-projek berkenaan hendaklah dibuat pemakluman di dalam mesyuarat JPICT JBPM.
- 5.5 Semua perolehan ICT yang telah diluluskan di peringkat JPICT JBPM dan memerlukan kelulusan teknikal JPICT KPKT dan/atau JTISA di MAMPU hendaklah dikemukakan melalui Urus Setia JPICT JBPM.

6. KEKERAPAN MESYUARAT JPICT JBPM

JPICT JBPM akan mengadakan mesyuarat dengan kekerapan minimum 3 kali dalam satu tahun bagi meluluskan permohonan projek-projek baru dan melaporkan kemajuan projek yang telah diluluskan pada mesyuarat terdahulu. Takwim JPICT akan disediakan oleh Cawangan Teknologi Maklumat untuk rujukan penghantaran dokumen-dokumen yang diperlukan.

7. PELAPORAN KEMAJUAN PROJEK YANG DILULUSKAN OLEH JPICT JBPM, JPICT KPKT DAN JTISA MAMPU

- 7.1 Secara keseluruhannya, Projek ICT yang diluluskan akan dipantau oleh JPICT JBPM, JPICT KPKT dan JTISA MAMPU.
- 7.2 Untuk projek-projek yang diluluskan di peringkat JPICT JBPM/JPICT KPKT/JTISA MAMPU, laporan kemajuan hendaklah dikemukakan kepada Urus Setia JPICT JBPM pada setiap bulan mengikut format seperti di **Lampiran F**.
- 7.3 Untuk projek-projek yang telah diluluskan oleh JPICT KPKT, Urusetia JPICT JBPM perlu mengemukakan laporan kemajuan projek kepada Urus Setia JPICT KPKT setiap suku tahun.



7.4 Untuk projek-projek yang telah diluluskan oleh JTISA MAMPU, Urusetia JPICT KPKT akan membuat pelaporan secara berkala pada setiap 6 bulan kepada pihak MAMPU.

8. TEMPOH SAH LAKU KELULUSAN JPICT

Tempoh sah laku kelulusan JPICT adalah selama tiga (3) tahun dari tarikh surat kelulusan. Sekiranya projek yang diluluskan tidak dilaksanakan dalam tempoh tersebut, bahagian-bahagian di Ibu Pejabat JBPM / JBPM Negeri / Akademi hendaklah memohon semula kelulusan JPICT JBPM sebelum melaksanakan projek ICT tersebut.

9. PENUTUP

Semua bahagian-bahagian di Ibu Pejabat JBPM / JBPM Negeri / Akademi dan stesen-stesen JBPM hendaklah mematuhi garis panduan ini di dalam memohon kelulusan teknikal perolehan ICT daripada JPICT JBPM.

10. RUJUKAN

- Pekeliling Am Bilangan 2 Tahun 1999: Jawatankuasa IT dan Internet Kerajaan (JITIK) – Jabatan Perdana Menteri;
- Surat Pekeliling Am Bilangan 2 Tahun 2000: Peranan Jawatankuasa-jawatankuasa Di bawah Jawatankuasa IT dan Internet Kerajaan (JITIK) – Jabatan Perdana Menteri.
- Pekeliling Am Bilangan 2 Tahun 2006: Pengukuhan Tadbir Urus Jawatankuasa IT dan Internet Kerajaan – Jabatan Perdana Menteri.
- Surat Pekeliling Am Bilangan 1 Tahun 2009: Garis Panduan Mengenai Tatacara Memohon Kelulusan Teknikal Projek ICT Agensi Kerajaan – Jabatan Perdana Menteri.



- Pindaan Kepada Surat Pekeliling Am Bil.11 Tahun 2008: Mengenai Had Nilai Projek ICT Yang Memerlukan Kelulusan Teknikal JTISA/JPICT Bagi Permohonan Yang Tidak Melibatkan Pembangunan Sistem Aplikasi – Jabatan Perdana Menteri.
- Surat Pekeliling Perbendaharaan Bil 5 Tahun 2009: Perubahan Had Nilai dan Tatacara Pengurusan Perolehan Secara Sebut Harga – Kementerian Kewangan.
- Surat Pekeliling Am Bilangan 3 Tahun 2015: Garis Panduan Permohonan Kelulusan Teknikal dan Pemantauan Projek Teknologi Maklumat dan Komunikasi (ICT) Sektor Awam – Jabatan Perdana Menteri
- Garis Panduan Berkaitan Jawatankuasa Pemandu ICT Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempaan (JPICT)
- Sebarang pekeling berkaitan had nilai perolehan yang dikeluarkan dari masa ke semasa

LAMPIRAN A

BIDANG RUJUKAN JAWATANKUASA PEMANDU ICT (JPICT) JBPM

1. KEAHLIAN

Pengerusi	:	Ketua Pengarah JBPM
Ahli	:	a. Timbalan Ketua Pengarah (Operasi)
Jawatankuasa	:	b. Timbalan Ketua Pengarah (Pembangunan)
	:	c. Pengarah-Pengarah Ibu Pejabat JBPM
	:	d. Ketua Unit ICT
Urus Setia	:	ICT Ibu Pejabat

2. BIDANG TUGAS

- i. Menetapkan arah tuju dan strategi untuk pelaksanaan ICT Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia;



- ii. Merancang, mengenal pasti dan mencadangkan sumber seperti kepakaran, tenaga kerja dan kewangan yang diperlukan bagi melaksanakan arah tuju/strategi ICT jabatan;
- iii. Merancang dan menyelaraskan pelaksanaan program/projek-projek ICT Jabatan supaya selaras dengan Pelan Strategik ICT jabatan;
- iv. Menyelaraskan dan menyeragamkan pelaksanaan ICT Jabatan selaras dengan Pelan Strategik ICT Jabatan;
- v. Mempromosi dan menggalakkan perkongsian pintar projek ICT dalam Jabatan;
- vi. Merancang dan menentukan langkah-langkah keselamatan ICT;
- vii. Memantau perkembangan program ICT Jabatan serta memahami keperluan, masalah dan isu-isu yang dihadapi dalam pelaksanaan ICT;

LAMPIRAN A

- viii. Menilai dan meluluskan semua perolehan ICT Jabatan berdasarkan kepada keperluan sebenar dan dengan perbelanjaan yang berhemah serta mematuhi peraturan-peraturan semasa yang berkaitan;
- ix. Menyelaraskan dan mengemukakan kertas cadangan perolehan ICT bagi Jabatan kepada Urus Setia JPICT KPKT untuk kelulusan;
- x. Mengemukakan laporan projek ICT Jabatan yang diluluskan; dan
- xi. Mengemukakan laporan kemajuan projek ICT Jabatan yang telah diluluskan oleh JPICT kepada Urus Setia JPICT mengikut tempoh-tempoh yang telah ditetapkan.



LAMPIRAN B

PANDUAN PENDEKATAN PELAKSANAAN DAN CIRI-CIRI PROJEK ICT

PENDEKATAN PELAKSANAAN PROJEK ICT

1. Menepati keperluan pemegang taruh (stakeholder)/pengguna (fit for purpose).
2. Mengambil kira aspek keselamatan, pematuhan kepada standard terbuka serta standard sedia ada.
3. Kepakaran dan kapasiti ICT di agensi untuk menyokong pelaksanaan projek.
4. Mengambil kira spesifikasi peralatan terkini di pasaran.
5. Mewujudkan struktur tadbir urus projek untuk menjamin dan mengekalkan kesinambungan projek.
6. Tempoh pelaksanaan yang realistik.
7. Mengambil kira inisiatif ICT Sektor Awam sedia ada bagi memastikan tiada pertindihan.

CIRI-CIRI PROJEK ICT

PERKAKASAN/PERISIAN/LESEN	APLIKASI	PERKHIDMATAN	RANGKAIAN
<ol style="list-style-type: none">1. Kesesuaian spesifikasi dengan matlamat penggunaan.2. Kebolehskaaan (Scalability – start small, expand when needed).3. Kesesuaian konfigurasi server (should be able to sustain application requirement for a certain period of time).4. Bilangan unit diperlukan berbanding perjawatan.5. Menggalakkan perkongsian perkakasan.	<ol style="list-style-type: none">1. Senibina Perkhidmatan dan Senibina Maklumat aplikasi.2. Senarai modul aplikasi.3. Mematuhi kitar hayat pembangunan sistem.4. Platform yang dicadangkan.5. Pangkalan data.6. Struktur data mengikut standard <i>Data Dictionary</i> Sektor Awam.7. Integrasi/saling kendali (interoperability) dengan sistem	<ol style="list-style-type: none">1. Kaji keupayaan sumber manusia di agensi berbanding dengan perkhidmatan teknikal yang dipohon.2. Bandingkan kepakaran ICT sedia ada di agensi dengan permohonan perkhidmatan teknikal yang diperlukan.3. Justifikasi dan perincian setiap perkhidmatan yang diperoleh berserta perincian kos sumber manusia (mandays).	<ol style="list-style-type: none">1. Keupayaan infrastruktur rangkaian sedia ada (LAN, WAN).2. Spesifikasi dan reka bentuk yang dicadangkan/Senibina Teknologi.3. Kesesuaian teknologi rangkaian.4. Keselamatan rangkaian (firewall, router, WAF, switches, IPS, IDS dll.)



LAMPIRAN B

CIRI-CIRI PROJEK ICT

PERKAKASAN/PERISIAN/LESEN	APLIKASI	PERKHIDMATAN	RANGKAIAN
<p>6. Nisbah pegawai kepada perkakasan (1:1) bagi komputer peribadi (PC) atau komputer riba (notebook).</p> <p>7. Senarai agihan perkakasan/perisian serta justifikasi perolehan.</p> <p>8. Pelan pelupusan bagi perkakasan yang hendak diganti.</p> <p>9. Lesen caj sekali atau kos berulang.</p> <p>10. Pematuhan kepada IPv6.</p> <p>11. Ke arah ICT hijau.</p>	<p>8. Pendekatan pelaksanaan (berpusat, teragih, hosting, dan sebagainya).</p> <p>9. Kepakaran ICT yang ada.</p> <p>10. Potensi perkongsian pintar.</p> <p>11. Kebolehskalaan (Scalability - start small, grow as required).</p> <p>12. Pelan Migrasi.</p> <p><u>PENINGKATAN</u></p> <p>a. Kekangan sistem sedia ada.</p> <p>b. Keperluan tambahan bagi menyokong peningkatan sistem.</p> <p><u>PELUASAN</u></p> <p>1. Melaksanakan kajian impak projek sedia ada sebelum peluasan:</p> <p>a. Kesiediaan sistem (system readiness);</p> <p>b. Kesiediaan lokasi dan infrastruktur (location and infrastructure readiness); dan</p> <p>c. Kesiediaan pengguna (User readiness).</p> <p>2. Pelan peluasan.</p>	<p>4. Kesesuaian skop projek dengan jenis dan tempoh latihan serta TOT bagi tujuan penggunaan dan penyelenggaraan sistem.</p>	<p><u>PENINGKATAN / PELUASAN</u></p> <p>1. Kekangan infrastruktur sedia ada.</p> <p>2. Kajian impak termasuk penggunaan jaringan (network utilisation)/prestasi (performance).</p>



LAMPIRAN C

KERTAS CADANGAN BAGI PERMOHONAN KELULUSAN TEKNIKAL PROJEK ICT JPICT JBPM TAJUK: <NAMA PROJEK>

1.0 TUJUAN

Kertas cadangan ini adalah bertujuan untuk memohon kelulusan Jawatankuasa Pemandu ICT (JPICT) Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) bagi <Nama Projek>.

2.0 LATAR BELAKANG

Penerangan jelas bagaimana tercetusnya cadangan projek ini.

3.0 RASIONAL YANG MEMBAWA KEPADA CADANGAN PROJEK ICT

Nyatakan rasional bagi cadangan projek seperti:

- i. Keperluan baru; (sila nyatakan juga bilangan pertambahan perjawatan)
- ii. Masalah perkakasan; (sila nyatakan bilangan perkakasan yang rosak)
- iii. Masalah perisian;
- iv. Masalah/kekurangan sistem aplikasi; atau
- v. Masalah penyelenggaraan.

4.0 CADANGAN PROJEK ICT

4.1 Keterangan Projek

- i. Nama:
- ii. Objektif:
- iii. Tempoh:
- iv. Arkitektur atau gambarajah projek yang dicadangkan (jika berkaitan):

4.2 Ciri-ciri Projek Yang Dicapadangkan

Sila nyatakan ciri-ciri projek yang dicadangkan seperti:

- i. Spesifikasi perkakasan dan perisian;



LAMPIRAN C

- ii. Jadual agihan perkakasan atau perisian; atau
- iii. Lain-lain yang difikirkan berkaitan.

4.3 Perolehan Yang Dicadangkan

Senarai perolehan yang dicadangkan (rujuk contoh di **Lampiran C1**).

4.4 Pelan Pelaksanaan

4.4.1 Jadual Pelaksanaan

Sila nyatakan jadual bagi pelaksanaan projek iaitu aktiviti terlibat, tarikh mula aktiviti, tarikh tamat aktiviti dan tempoh pelaksanaan aktiviti.

4.4.2 Kaedah Perolehan

Nyatakan kaedah perolehan projek sama ada secara pembelian terus, sebutharga atau tender.

4.5 Anggaran Kos dan Sumber Peruntukan Untuk Membiayai Projek

4.5.1 Kos perolehan dianggarkan sebanyak RM xxx,xx.xx.

4.5.2 Sumber peruntukan: Anggaran Belanjawan Pembangunan/ Anggaran Belanja Mengurus.

5.0 FAEDAH-FAEDAH PROJEK YANG DICADANGKAN

Nyatakan faedah projek yang dicadangkan.

6.0 MAKLUMAT PEGAWAI UNTUK DIHUBUNGI

Nama Pegawai Penyelaras :

Jawatan :

No. Telefon :

No. Faks :

Alamat E-mel :

CONTOH FORMAT KERTAS CADANGAN LENGKAP DISERTAKAN (LAMPIRAN C1)



LAMPIRAN D

BIL	PERKARA	SLAID
1	Ringkasan Projek	1 slaid
2	Tujuan	1 slaid
3	Justifikasi Keperluan Projek	1 slaid
4	Objektif Projek	1 slaid
5	Profil Projek	1 slaid
6	Kronologi Projek	Maksimum 2 slaid
7	Slaid Sokongan	Maksimum 4 slaid
8	Tadbir Urus Projek	1 slaid
9	Organizational Landscape Map View	1 slaid
10	Application/Information View	1 slaid
11	Keterangan Ringkas Setiap Modul	1 slaid
12	Technology View	1 slaid
13	Keselamatan ICT	1 slaid
14	Jadual Pelaksanaan	1 slaid
15	Maklumat Peruntukan	1 atau lebih slaid
16	Syor	1 slaid

CONTOH FORMAT SLAID LENGKAP DISERTAKAN (LAMPIRAN D1)




LAMPIRAN E

HAD NILAI DAN PERINGKAT KELULUSAN TEKNIKAL PROJEK ICT BAGI AGENSI/JABATAN DI BAWAH KEMENTERIAN

BIL	PROJEK			PERINGKAT KELULUSAN		
	KATEGORI PEROLEHAN PROJEK	SKOP PROJEK	NILAI PROJEK(RM) JUTA (J) RIBU (K)	JPICT AGENSI/ JABATAN	JPICT KEMENTERIAN	JTISA MAMPU
A	Projek Baharu	1. Pembangunan, naik taraf system aplikasi dan/atau integrasi	< 50K	✓	-	-
			≥ 50K hingga < 1J	✓	✓	-
			≥ 1J	✓	✓	✓
		2. Perolehan perkakasan (pembelian dan sewaan), dan/atau perisian, dan/atau rangkaian dan/atau perkhidmatan ICT.	< 500K	✓	-	-
			≥ 500K hingga <5J	✓	✓	-
			≥ 5J	✓	✓	✓
B	Peningkatan Sistem	1. Naik taraf sistem aplikasi dan/atau integrasi.	< 1J	✓	✓	-
			≥ 1J	✓	✓	✓
		2. Naik taraf perkakasan (pembelian dan sewaan), dan/atau perisian, dan/atau rangkaian dan/atau perkhidmatan ICT.	< 500K	✓	-	-
			≥ 500K hingga <5J	✓	✓	-
			≥ 5J	✓	✓	✓
			> 5J	✓	✓	✓
C	Pertambahan Peralatan	Perolehan perkakasan (pembelian dan sewaan), dan/atau perisian, dan/atau rangkaian dan/atau perkhidmatan ICT.	< 500K	✓	-	-
			≥ 500K hingga <5J	✓	✓	-
			≥ 5J	✓	✓	✓
D	Peluasan Projek	1. Peluasan penggunaan sistem aplikasi.	< 1J	✓	✓	-
			≥ 1J	✓	✓	✓
		2. Perolehan perkakasan (pembelian dan sewaan), dan/atau perisian, dan/atau rangkaian dan/atau perkhidmatan ICT.	< 500K	✓	-	-
			≥ 500K hingga <5J	✓	✓	-
			≥ 5J	✓	✓	✓
			> 5J	✓	✓	✓
E	Penyelenggaraan	1. Penyelenggaraan system aplikasi	< 50K	✓	-	-
			≥ 50K	✓	✓	-
		2. Penyelenggaraan perkakasan dan/atau perisian, dan/atau rangkaian	≥ 50K hingga <500K	✓	-	-
			>500K	✓	✓	-



LAMPIRAN E





LAMPIRAN F

<Nama Projek>		
No. Kontrak : KDN/PL63/2019-PTM Nilai Kontrak : RM2,862,800.00 Kontraktor : Unijaya Resources Sdn Bhd Tempoh Kontrak : 01/11/2019 – 31/10/2022	% PEMBAYARAN	% KEMAJUAN PROJEK
Isu-isu terkini		

CONTOH FORMAT SLAID LENGKAP DISERTAKAN (LAMPIRAN F1)